

Persepsi Pelajar Kursus SCZ1064 Terhadap Makmal Maya Di Dalam Sistem OLL, IPGKIK

Zuraidah Binti Yazid

Kalsom Binti Badrus

Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu khas

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti persepsi pelajar Kursus SCZ1064 Kefahaman Sains Dan Kemahiran Saintifik terhadap penggunaan makmal maya di dalam sistem atas talian (OLL), IPGKIK. Fokus kajian ini ialah untuk meningkatkan pemahaman konsep sains serta situasi pdpc melalui penggunaan makmal maya di dalam sistem OLL . Kajian ini melibatkan seramai 41 orang pelajar PPISMP Semester 2 yang mengambil Kursus SCZ1064. Kajian ini berbentuk kajian tinjauan dengan menggunakan instrumen kajian berupa satu set soal selidik yang mengandungi 11 item bagi mendapatkan maklumbalas daripada responden. Data mentah diperolehi daripada soal selidik yang dimuat naik di dalam google form. Seterusnya, data kuantitatif ini dianalisis menggunakan skala Guttman . Penelitian menggunakan skala Guttman bagi tujuan mendapatkan jawapan yang tegas terhadap suatu permasalahan yang dinyatakan. Data dianalisis secara diskriptif dengan mendapatkan nilai peratusan . Hasil kajian mendapati pelajar mempunyai persepsi yang positif terhadap penggunaan makmal maya di dalam sistem OLL bagi kursus ini. Kajian ini penting untuk mengenalpasti aspek dalam meningkatkan pemahaman konsep sains serta situasi yang kondusif terhadap Kursus SCZ1064 seterusnya dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran terhadap kursus ini.

Kata kunci : Persepsi, Pelajar Kursus SCZ1064, Makmal maya, OLL, Konsep sains, Situasi pdpc.